

15 AUG 1997

ANYAOKU TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku tiba hari ini untuk lawatan lima hari.

Beliau dijadual menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Lawatan itu ialah sebagai persiapan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang dijadual berlangsung di Edinburgh, Scotland, pada Oktober ini.

Anyaoku tiba dari Brunei bersama tiga pegawai. Beliau akan melawat Afrika Selatan selepas ini. --BERNAMA

MT MAI